

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR  
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN, MALAYSIA  
(BAHAGIAN RAYUAN DAN KUASA-KUASA KHAS)  
RAYUAN CUKAI NO: 14-5-10/2015

ANTARA

YUNAINAH BINTI IDRUS

... PERAYU

DAN

KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI

... RESPONDEN

KES DINYATAKAN OLEH PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN  
BAGI PENDAPAT MAHKAMAH TINGGI  
MENURUT PERENGGAN 34 JADUAL 5  
AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

DALAM PERKARA

DALAM PERKARA PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN  
RAYUAN NO.: PKCP(R) 129/2013  
RAYUAN NO.: PKCP(R) 130/2013

ANTARA

YUNAINAH BINTI IDRUS

... PERAYU

DAN

KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI

... RESPONDEN

## ALASAN PENGHAKIMAN

1. Perayu merayu terhadap keputusan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP) yang telah menolak rayuan oleh perayu terhadap Notis-Notis taksiran bagi tahun-tahun taksiran 2005 dan 2006 bertarikh 25.1.2010.
  
2. PKCP telah menyarankan cukai taksiran yang perlu dibayar oleh perayu bukan berdasarkan perniagaan 'partnership' tetapi pemilikan tunggal.

## LATAR BELAKANG KES

3. Latar belakang kes adalah seperti berikut:
  - i. Perayu merupakan rakan kongsi dalam perniagaan FILL IN ENTERPRISE (FIE) yang beralamat di Lot 2407, Jalan Dua, Kepong Baru, 51200 Kuala Lumpur dan membuat perjanjian perkongsian dengan Norfitri binti Idrus (Rakan Kongsi).

- 
- ii. Tidak dipertikaikan bahawa Perayu dan rakan kongsinya telah melaksanakan "Partnership Agreement" pada 15.10.2003 yang telah disetemkan pada 11 November 2003 ("PA")(Rujuk muka surat 46-48 Ikatan B-2) dan ("Supplemental Agreement") pada 10.5.2004 ("SPA") yang telah disetemkan di Pusat Setem Seremban pada 11.5.2004.
- iii. Perayu telah menyerahkan akaun untung rugi, kunci kira-kira dan pengiraan cukai bagi tahun taksiran 2004 sehingga 2007 seperti yang diminta oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta telah diaudit oleh LHDN pada 19.6.2009.
- iv. Hasil penemuan audit tersebut, Perayu telah dikenakan cukai taksiran berjumlah RM51,224.69 bagi tahun 2005 dan cukai taksiran RM34,157.64 bagi tahun 2006. LHDN telah menaksir cukai taksiran tersebut bukan berdasarkan perniagaan perkongsian "Partnership" tetapi pemilikan tunggal.

- 
- v. Perayu memohon pengiraan cukai dikira mengikut pembahagian keuntungan 'Partnership' seperti yang tercatat dalam klausa 3.4 SPA pada 10.5.2004 di mana Perayu dan rakan kongsinya telah bersetuju untuk berkongsi keuntungan bersih tahunan sebanyak 60:40.
- vi. Perayu telah dikenakan cukai berdasarkan perniagaan milikan tunggal bagi tahun-tahun taksiran 2005 dan 2006.

**TANGGUNGJAWAB MAHKAMAH TINGGI SEMASA MENDENGAR  
RAYUAN TERHADAP KEPUTUSAN OLEH PKCP**

4. Di dalam hujahan bertulis, Peguam bagi pihak Responden telah menyatakan kedudukan undang-undang yang betul berhubung tanggungjawab Mahkamah semasa mendengar rayuan terhadap keputusan oleh PKCP.
5. Terdapat dua kes utama yang membincangkan berkaitan dengan keadaan di mana Mahkamah Tinggi boleh mempersoalkan keputusan yang

---

dibuat oleh PKCP iaitu di dalam kes *Chua Lip Kong v DGIR* [1982] 1 MLJ 235 dan *Edwards v Bairstow & Harrisons* 36 TC 207.

6. Keputusan di dalam kedua-dua kes di atas telah diterima pakai di dalam satu keputusan oleh Mahkamah Agung di dalam kes *Lower Perak Co-operative Housing Society Bhd v KPHDN* [1994] 2 MLJ 713.

7. Selanjutnya Viscount Simmonds di dalam kes *Edwards v Bairstrow & Harrisons*, telah menyatakan:

*“For it is universally conceded that, though it is a pure finding of fact, it may be set aside on grounds which have been stated in various ways but are, I think fairly summarised by saying that the court should take that course if it appears that the Commissioners have acted without evidence or upon a view of the facts which could not reasonably be entertained”.*

8. Di dalam kes yang sama juga, Lord Radcliffe pula menyatakan seperti berikut :

---

*“When the case comes before the court it is its duty to examine the determination having regard in its knowledge of the relevant law. If the case contains anything ex facie which is bad law and which bears upon the determination, it is obviously, erroneous in point of law. But, without any such misconception appearing ex facie, it may be that the facts found are such that no person acting judicially and properly instructed as to the relevant law could have come to the determination under appeal. In those circumstances too, the court must intervene. It has no option but to assume that there has been some misconception of the law that this has been responsible for the determination. So there too, there has been error in point of law”.*

9. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada kes yang dirujuk di atas, bolehlah disimpulkan bahawa Mahkamah Tinggi hanya boleh mengubah/mengganggu keputusan oleh PKCP hanya dalam keadaan seperti berikut:

- (a) berlaku salah tanggapan undang-undang (misconception of law);

- 
- (b) kesimpulan undang-undang yang telah dibuat oleh PKCP yang tidak dapat disokong oleh fakta; dan
- (c) kesimpulan fakta dan undang-undang yang telah dibuat oleh PKCP yang mana tidak ada PKCP yang berfikir munasabah yang akan mencapai/membuat keputusan sedemikian (conclusion of mixed fact and law that no reasonable Special Commissioners could have reached if they had correctly directed themselves).

10. Selaras dengan Perenggan 13 Jadual 5 ACP 1967 beban pembuktian di dalam kes di hadapan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP) adalah terletak ke atas Perayu. Perenggan 13 Jadual 5 ACP 1967 memperuntukkan bahawa:

*"The onus of proving that an assessment against which an appeal is made is excessive or erroneous shall be on the appellant".*

---

11. Di dalam kes ***ABC v Comptroller of Income Tax, Singapore*** [1959] **1 MLJ 162**, telah diputuskan bahawa tidak hanya Perayu (Pembayar Cukai) harus membuktikan bahawa taksiran yang dibangkitkan adalah salah dan melampaui batas, tetapi Perayu juga harus menunjukkan apa yang harus dibuat untuk menjadikan taksiran tersebut sah dan teratur. Di dalam kes tersebut dinyatakan seperti berikut:

*"If the taxpayer fails to discharge it because he has conveniently lost his memory or his books or failed to keep proper books he must take the consequences. The onus on the appellant here is not only to show that the assessment is wrong but what must be done to put it right. The taxpayer appellant does not rebut the presumption merely by showing that there is an error in the assessment and thereby creating blank .....*

12. Di dalam kes ***Nicholson v Morris (Inspector of Taxes)*** [1976] STC 269, mahkamah telah memutuskan bahawa:

*"It is the taxpayer who knows and the taxpayer who is in a position (or, if not in a position, who certainly should be in a position) to provide the right answer, and chapter, and verse for the right answer, and it is idle for any*



*taxpayer to say to the Revenue, "Hidden somewhere in your vaults are the right answers: go thou and dig them out of the vaults". That is not a duty of the Revenue. If it were, it would be a very onerous, very costly and very expensive operation, the costs of which would of course fall entirely on the taxpayers as a body. It is the duty of every individual taxpayer to make his own return and, if challenged to support the return he has made, or, if that return cannot be supported, to come completely clean; and if he gives no evidence whatsoever he cannot be surprised if he is finally lumbered with more than he has in fact received. It is his own fault that he is so lumbered."*

## **KEPUTUSAN**

13. Perayu menghujahkan bahawa beliau menjalankan perniagaan di bawah nama Fill In Enterprise. Bagi tujuan tersebut, satu Partnership Agreement bertarikh 15.10.2003 telah ditandatangani antara Perayu dan rakan kongsinya. Lanjutan daripada Partnership Agreement tersebut, Perayu dan rakan kongsinya telah juga menandatangani satu Supplemental Partnership Agreement bertarikh 10.5.2004 kemudiannya.

14. Antara terma-terma penting di dalam Partnership Agreement adalah:

- 
- i) Perjanjian Perkongsian bertarikh 15.10.2003 tersebut, telah menyatakan dengan jelas tanggungjawab setiap ahli kongsi di mana:

Partner 1 (Perayu) : Day to day management and operations of the Petrol Station under the sole proprietorship "FILL IN ENTERPRISE".

Execution of all official documentation and correspondences with SHELL and third parties on matters relating to Petrol Station.

Partner 2 : All matters relating to finance and preparation of accounts.

- ii) Share of Capital and Profit Sharing

The initial capital of the Partnership shall be RM350,000.00 to be contributed by the partners as follows:

Partner 1	:	RM210,000.00 (60%)
Partner 2	:	RM140,000.00 (40%)
Total capital contribution	:	RM350,000.00 (100%)

---

Any profits or losses before taxation arising from the Petrol Station shall be shared and distributed to the partners on the basis of 60.40. Net profits for each financial year can only be withdrawn by any of the partners after finalisation of the accounts for that financial year and jointly signed by both Partners.

15. Mengikut Perayu, memandangkan *Partnership Agreement* tidak mempunyai peruntukan mengenai tempoh hayat perjanjian atau pun tarikh tamatnya Perjanjian Perkongsian, maka pihak-pihak telah mengatasi masalah ini dengan mengadakan "*Supplemental Partnership Agreement*".

16. Klausula-klausula yang relevan berhubung *Supplemental Agreement* tersebut adalah seperti berikut :

## **2.0 Withdrawal from the Partnership**

2.1 Partner 1 hereby agrees to purchase the 40% of the Partnership from Partner 2 and Partner 2 agrees to sell her 40% share of the Partnership for a purchase price of Ringgit Malaysia Two Hundred and Forty Thousand Only (RM240,000.00). The purchase price is arrived at as follows.

Initial Investment in Partnership	...	RM140,000.00
Goodwill	...	RM100,000.00
Total purchase price	...	RM240,000.00

2.2 A sum of Ringgit Malaysia Twenty Thousand only (RM20,000.00) being part payment the deposit shall be paid upon signing this Supplemental Agreement and the balance of Ringgit Malaysia Twenty thousand only (RM20,000.00) is to be paid by way of 4 instalments of Ringgit Malaysia Five Thousand only (RM5,000.00) each as mutually agreed by the Partners but shall be settled in full on or before 31<sup>st</sup> December 2006.

2.3 The balance purchase price of Ringgit Malaysia Two Hundred Thousand only (RM200,000.00) shall be paid by Partner 1 to Partner 2 on or before 31<sup>st</sup> December 2006.

### **3.0 Entitlement of the Partners**

The Partners hereby agree that the entitlements of the Partners for the duration from 1<sup>st</sup> January 2004 up to 31<sup>st</sup> December 2006 shall be varied as follows:

3.1 The Partners (or representative of the Partners) shall be entitled to draw fixed monthly allowance with effect from 1<sup>st</sup> January 2004 up to 31<sup>st</sup> December 2006 in the following amounts:

Partner 1 Ringgit Malaysia Nine Thousand Four Hundred and Twenty only (RM9,420.00)

Partner 2 Ringgit Malaysia Five Thousand Five Hundred only (RM5,500.00);

3.2 Partner 2 shall continue to be entitled to an accommodation free of charge (including utility charges up to RM120.00 and 1 car parking lot) with effect from 1<sup>st</sup> January 2004 up to 31<sup>st</sup> December 2006. In the event that accommodation is not provided Partner 2 shall be entitled to a fixed accommodation allowance of Ringgit Malaysia Nine Hundred only (RM900.00) per month;

3.3 Partner 2 shall continue to be entitled to 40% of all dividends earned on the Fixed Deposit of RM80,000.00 presently placed under Amanah Saham Bumiputera (ASB) until 31<sup>st</sup> December 2006;

3.4 Partner 2 shall continue to be entitled to the yearly net profit sharing as enunciated in the Partnership Agreement up to 31<sup>st</sup> December 2006. This yearly profit sharing shall be paid after the year-end closing of the accounts of the Petrol Station.

The yearly Nett Profit shall be distributed in the following proportion.

Partner 1	...	...	60%
Partner 2	...	...	40%

**6.0 Completion Date**

6.1 The completion date for the purchase of the 40% shares of the Partnership of Partner 1 shall be on 31<sup>st</sup> December 2006;

6.2 In the event Partner 1 is desirous to settle all the payments before the agreed completion date but shall not be earlier than 31<sup>st</sup> December 2004 the following terms shall take effect:

6.2.1 Partner 1 shall pay Partner 2 the said consideration as envisaged in clause 2.1 together with a lump sum payment calculated at Ringgit Malaysia Two Thousand only

---

(RM2,000.00) per month from the earlier completion date to the agreed completion date viz. 30<sup>th</sup> December 2006;

6.2.2 Upon receipt of the lump sum calculated pursuant to clause 6.2.1, Partner 2 shall ceased to enjoy the following:

- (a) Apartment Accommodation which shall include utility and 1 car parking lot);
- (b) Entitlement of dividend on the Fixed Deposit of Ringgit Malaysia Eighty Thousand only (RM80,000.00) presently placed under Amanah Saham Bumiputera (ASB);
- (c) Sharing of Nett Profit.

6.3 There shall be no variation to the said completion date unless mutually agreed to by the parties;

6.4 In the event the balance of the purchase price of Ringgit Malaysia Two Hundred Thousand only (RM200,000.00) is not paid on the 31<sup>st</sup> December 2006, all deposit paid pursuant to clause 2.2 shall be forfeited by Partner 2 and this Partnership shall continue in the terms of the said Partnership Agreement dated 15<sup>th</sup> October 2003.

- 
17. Berdasarkan klausa 6 *Supplemental Agreement*, Perayu menghujahkan bahawa perkongsian masih lagi wujud antara Perayu dan Pekongsi Kedua sehingga 31.12.2006.
18. Walau bagaimanapun, Responden menghujahkan bahawa Perjanjian Perkongsian tersebut tamat pada 22.5.2004 iaitu tarikh di mana pertukaran status perniagaan daripada perkongsian kepada milikan tunggal diluluskan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
19. Hujahan dan pendirian Responden berhubung dengan tarikh 22.5.2004 ini adalah dibuat berdasarkan kepada fakta-fakta yang menunjukkan bahawa di sebalik kenyataan dan hujahan Perayu bahawa perkongsian masih lagi wujud antara Perayu dan Pekongsi Kedua sehingga 31.12.2006, tindakan dan tindak tanduk Perayu sendiri mencerminkan sebaliknya.
20. Oleh itu, persoalan yang perlu ditentukan oleh Mahkamah adalah bilakah perkongsian sebenarnya tamat.



21. Adakah perkongsian tamat pada tarikh 31.12.2006 ataupun adakah perkongsian telahpun tamat lebih awal daripada tarikh tersebut.
22. Perayu menghujahkan bahawa perkongsian antara Perayu dan Pekongsi Kedua hanya tamat pada 31.12.2006, iaitu tarikh akhir bayaran kepada Pekongsi Kedua.
23. Pada pandangan saya, perkongsian antara Perayu dan Pekongsi Kedua tamat pada 22.5.2004 apabila selepas menandatangani Perjanjian Tambahan tersebut, Perayu telah mengemukakan permohonan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi menukar status perniagaannya daripada Perkongsian kepada Milikan Tunggal dan permohonan tersebut telah diluluskan oleh SSM pada 22.5.2004.
24. Oleh itu, saya bersetuju dengan hujahan Responden bahawa berdasarkan kepada fakta dan dokumen di atas, bahawa sekiranya benar pihak Perayu menganggap bahawa Perkongsian masih wujud sehingga 31.12.2006, ataupun setidak-tidaknya sehingga 5.12.2005 (tarikh bayaran penuh dibuat oleh Perayu kepada Pekongsi Kedua), kenapa hanya selepas

kurang 2 minggu daripada Perjanjian Tambahan ditandatangani, Perayu telah menukar status perniagaan kepada Milikan Tunggal? Kenapa tidak selepas 31.12.2006 ataupun setidaknya-tidaknya selepas 5.12.2005 baru pertukaran status dibuat.

25. Jika dilihat kepada Borang B2 sebagaimana yang dilampirkan oleh Perayu di mukasurat 36 Ikatan Dokumen Perayu dengan jelas menunjukkan bahawa Perayu menandatangani dokumen tersebut atas kapasiti beliau sebagai pemilik tunggal perniagaan Fill In Enterprise.

26. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada bukti-bukti dokumentari yang dikemukakan ini adalah jelas bahawa kesimpulan fakta yang dibuat oleh PKCP bahawa perniagaan Fill In Enterprise ini telah bertukar status kepada milikan tunggal pada 22.5.2004 adalah tepat dan bersandarkan kepada bukti-bukti dokumentari yang konsisten.

27. Apa yang jelas melalui Perjanjian Tambahan tersebut ianya hanya menyatakan bahawa Perayu, sebagai Pekongsi Pertama bersetuju untuk membeli 40% saham Pekongsi sebagai syarat untuk Pekongsi Kedua keluar daripada perkongsian.

---


28. Berhubung dengan syarat pembayaran yang perlu dibuat oleh Perayu kepada Pekongsi Kedua sebanyak RM20,000 upfront dan RM5,000.00 setiap bulan selama 4 bulan serta bayaran sebanyak RM200,000.00 dibayar pada atau sebelum 31.12.2006, ianya hanyalah merupakan cara pembayaran (*mode of payment*) bayaran penyelesaian. Apa yang penting adalah niat untuk membatalkan perkongsian telahpun lengkap dengan termeterainya Perjanjian Tambahan tersebut. Manakala bayaran yang dibuat secara berkala tersebut hanyalah merupakan cara bayaran yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

## **PENUTUP**

29. Berdasarkan kepada bukti-bukti dokumen yang ada, adalah jelas bahawa perkongsian antara Perayu dan Pekongsi Kedua sebenarnya telah tamat bila mana Perjanjian Tambahan ditandatangani di antara Perayu dan Pekongsi Kedua pada 10.5.2005 dan ianya disahkan melalui pertukaran status perniagaan daripada Perkongsian kepada Milikan Tunggal yang diluluskan pertukarannya oleh SSM pada 22.5.2004.

30. Memandangkan tarikh kelulusan pertukaran status adalah pada 22.5.2004, maka tindakan Responden yang membuat keseluruhan taksiran ke atas Perayu tanpa membuat pembahagian keuntungan sebagaimana yang didakwa oleh Perayu adalah betul dan teratur kerana pada tahun taksiran 2005, perkongsian telah tidak lagi wujud berdasarkan kepada alasan-alasan yang dinyatakan di atas.

31. Oleh itu, rayuan Perayu ditolak dengan kos sebanyak RM5000.00.



**Hanipah binti Farikullah**  
Judge  
Kuala Lumpur High Court  
Appellate & Special Powers Division  
Dated : 1<sup>st</sup> August 2016

---

### **Solicitors for the Applicant**

Zailan Bin Mohamed, Siti Nabihah Ahmad & Nooreha Binti Idris @ Jusoh  
Messrs Zailan & Associates  
Advocates & Solicitors  
Suite 2-1-45, 1<sup>st</sup> Floor  
Jalan 34/26, Wisma Rampai  
Taman Sri Rampai  
53300 Setapak  
Kuala Lumpur.

Tel : 03-4149 6778

Fax: 03-4143 9007

### **Solicitors for the Respondent**

Tuan Ahmad Isyak Bin Mohd Hassan (PKH) & Nik Nurhalina Binti Mohd  
Kashfi (PH)  
Peguam Hasil  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia  
Aras 11, Menara Hasil  
Persiaran Rimba Permai  
Cyber 8, 63000 Cyberjaya  
Selangor

Tel : 03-8313 8888

Fax: 03-